

25/04/2001

Malaysia, Thailand terokai industri ikan

Kadir Dikoh

PUTRAJAYA, Selasa - Malaysia dan Thailand hari ini bersetuju untuk merintis jalan kerjasama bagi menerokai industri perikanan laut dalam di perairan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) untuk dikendalikan pihak swasta.

Kedua-dua negara juga bersetuju untuk bekerjasama dalam pengeluaran getah, untuk diproses sebagai produk akhir bagi tujuan pasaran.

Ini adalah antara perkara yang dibincang dan dipersetujui dalam mesyuarat delegasi antara Malaysia yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatnya dari Thailand, Thaksin Shinawatra, di sini hari ini.

Mereka juga bersetuju menghidupkan semula jawatankuasa pertanian Malaysia-Thailand yang dihentikan sejak 1996 dalam usaha mencari jalan memperluaskan kerjasama dalam industri pertanian dan perikanan.

Bagi mempermudah lagi kerjasama itu, Malaysia juga bersetuju untuk membatalkan larangan import daging lembu dari Thailand yang dibekukan sejak Februari lalu berikutan penyakit lembu gila.

Malah, Thailand turut meminta Malaysia supaya membeli lebih banyak beras dan melanjutkan waktu operasi di pintu sempadan bersama. Kerajaan sedang menimbang kedua-dua permintaan.

Turut dipersetujui ialah penghantaran barangan mudah rosak dari Singapura ke Thailand menggunakan laluan di negara ini, manakala pihak Thailand juga bersetuju membolehkan penghantaran barangan Malaysia ke Indochina melalui Thailand.

Bercakap kepada pemberita selepas mesyuarat itu, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata kedua-dua Perdana Menteri bersetuju dipertingkatkan lagi kerjasama dalam perdagangan.

"Ini adalah lawatan pertama Thaksin ke negara Asean dan memilih Malaysia untuk persinggahan pertama. Kedua-dua Perdana Menteri mengadakan pertemuan empat mata, diikuti mesyuarat delegasi yang mencapai persetujuan dalam beberapa perkara," katanya.

Thaksin dipilih sebagai Perdana Menteri baru Thailand 9 Februari lalu dan tiba di sini tengah hari ini bersama enam menteri Kabinetnya. Rombongan itu diberi sambutan kawalan kehormata di Dataran Putra.

Menjelaskan lebih lanjut, Syed Hamid berkata syarikat Malaysia dan Thailand akan membuat tangkapan ikan di kawasan ZEE dan kemudian hasil itu diturun serta diproses di negara ini.

"Jadi Malaysia mendapat manfaat daripadanya. Pengusaha Thailand berminat untuk terbabit dalam tangkapan ikan laut dalam dan oleh kerana itu, Malaysia bersetuju untuk diadakan usaha sama.

"Thailand mempunyai tenaga kerja, kepakaran dan modal. Yang kita minta ialah supaya kita dapat manfaat daripada usaha itu dengan ikannya diturun di Malaysia dan proses di Malaysia. Kita akan dapat hasil nilai tambah," katanya.

Katanya, Malaysia masih mempertimbangkan sama ada untuk membeli banyak lagi beras dari Thailand kerana negara ini juga membelinya dari Myanmar dan Vietnam. Pada satu ketika, Malaysia mengimport 300,000 tan metrik beras Thailand setiap tahun tetapi kini cuma 30,000 tan metrik setahun.

Mengenai kerjasama dalam pengeluaran getah, beliau berkata ia akan dilakukan oleh pihak swasta supaya mereka dapat menghasilkan produk getah untuk diesport. Thailand adalah pengeluar utama getah.

Katanya, selain itu Malaysia meminta Thailand untuk mengkaji kemungkinan menghapuskan tarif dan kuota yang dikenakan terhadap eksport kelapa sawit

dari negara ini dan isu ini akan dibincangkan lanjut.

Beliau berkata, dengan mengurangkan tarif yang terlalu tinggi itu juga akan membantu mengurangkan kegiatan menyeludup komoditi berkenaan dari negara ini.

Syed Hamid berkata, pegawai kedua-dua negara akan membincang lanjut cadangan Thailand supaya pintu sempadan kedua-dua negara dilanjutkan tempoh operasi.

"Kedua-dua pemimpin turut meminta diteruskan perbincangan bagi menyelesaikan masalah persempadanan terutama di sempadan Jeli," katanya.

Sebelum ini, Bangkok mencadangkan supaya pos kawalan sempadan Bukit Kayu Hitam-Sadao dibuka 24 jam.

Ditanya sama ada isu mengenai kumpulan pemisah Islam di Selatan Thailand dibangkitkan, Syed Hamid berkata perkara itu tidak ditimbulkan.

Pada pertemuan hari ini, perkembangan terkini di Myanmar turut dibincangkan.

Katanya, Malaysia dan Thailand sebagai sebahagian daripada Asean perlu membantu Myanmar yang sedang menghadapi pembangunan dan perubahan di persekitarannya.

(END)